

Empat rumah musnah terbakar

Oleh: Farzana Husna Abd Halim, 1180310

POKOK SENA: Empat buah rumah musnah dalam satu kebakaran di Kampung Kepala Bukit, Kampung Tualang pada 22 November lalu.

Pegawai Bomba Kanan II, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pokok Sena, Mohd Faizul Ghazali berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.37 petang dan tiba di lokasi kejadian jam 4.07 petang.

“Kebakaran turut melibatkan tujuh kenderaan lain iaitu dua buah kereta dan lima motosikal.”



Pihak bomba melakukan operasi pemadaman api di Kampung Kepala Bukit, Kampung Tualang, Pokok Sena.

Menurutnya, kebakaran dapat dikawal kira-kira 34 minit kemudian dan api dapat dipadam sepenuhnya dalam tempoh tiga jam 25 minit.

“Anggaran kerugian bagi empat rumah yang kebanyakannya dibina daripada kayu ini berjumlah kira-kira RM160,000 dan punca kebakaran masih dalam siasatan,” katanya.

Kerja pemadaman api melibatkan 45 anggota dan 11 jentera dari BBP Pokok Sena, BBP Alor Setar, Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Pokok Sena, PBS Tanah Merah, PBS Pendang, PBS Seberang Nyonya, PBS Simpang Empat, PBS Taman Mutiara dan PBS Kota Sarang Semut.